

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

Kadar boleh jangkitan COVID-19 di Lembah Klang menurun

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kadar kebolehtjangkitan COVID-19 (Rt) bagi Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan merekodkan penurunan bawah 1.0 berbanding negeri lain, malah lebih rendah daripada kadar Rt kebangsaan iaitu 1.02.

Berdasarkan perkongsian oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, Putrajaya merekodkan bacaan Rt paling rendah iaitu 0.78, diikuti Negeri Sembilan (0.82), Kuala Lumpur (0.84) dan Selangor 0.97 kelmarin berbanding 0.95 sebelum itu.

Melaka pula mencatatkan Rt 1.0, diikuti Pahang pada 1.1, iaitu di bawah purata Rt kebangsaan, manakala Labuan pula merekodkan hanya tiga kes baharu COVID-19 kelmarin. Ketika ini Labuan mencatatkan peratusan vaksinasi tertinggi dengan 92.9 peratus atau 63,663 penduduk dewasanya sudah menerima dos lengkap.

Nasional 14

Meningkatkan kadar vaksinasi di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya berjaya menampilkan hasil dengan penurunan Rt

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

Pemuliharaan COVID-19



Kakitangan jabatan kesihatan merekod maklumat individu di perkhidmatan pandu lalu di Pusat Sehati Penilaian COVID-19 di pekarangan Stadium Tertutup Pasir Gudang, semalam. (Foto BERNAMA)

22,070 jangkitan baharu, 21,877 pulih

Lapan negeri catat kes empat angka, 339 kematian direkod

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) semalam, melaporkan sebanyak 22,070 kes positif baharu COVID-19, manakala sebanyak 21,877 kes sembuh daripada wabak itu.

Ketua pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Malaysia sehingga semalam, merekodkan 1,662,913 kes jangkitan COVID-19 sejak Januari tahun lalu dengan 265,695 daripadanya adalah kes aktif.

Beliau berkata, lapan negeri mencatat kes empat angka, didahului Selangor dengan 5,920 kes jangkitan baharu disusuli Sabah dengan 3,010 kes, Sarawak (2,224), Kedah (2,072), Pulau Pi-

lutan (1,829), Johor (1,809), Kuala Lumpur (1,068) dan Kelantan (1,051).

Negeri lain turut catat peningkatan kes iaitu Perak dengan 939 kes, Pahang (610), Melaka (589), Terengganu (488), Negeri Sembilan (338), Perlis (76), Putrajaya (39) dan lapan kes di Labuan.

Katanya, 22,070 kes penularan tempatan dengan 18,832 daripadanya adalah warganegara (85.4 peratus) dan 3,238 bukan warganegara (14.6 peratus), manakala 15 lagi adalah kes import iaitu lapan warganegara dan tujuh warga asing.

"Daripada 22,070 kes harian yang dilaporkan semalam, sebanyak 412 kes (1.9 peratus) adalah daripada kategori 3, 4 dan, 5 manakala sebanyak 21,658 kes (98.1 peratus) lagi kategori 1 dan 2.

"Secara keseluruhan, 17,029 kes (77.2 peratus) daripada jumlah kes dilaporkan pada hari ini tiada atau tidak lengkap vaksinasi," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, 982 kes kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 470 memer-

lukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, KKM juga merekodkan sebanyak 339 kes kematian akibat COVID-19 semalam, iaitu 289 warganegara dan 50 warga asing menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian 15,550 setakat ini.

Katanya, 99 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) direkodkan membabitkan 74 warganegara dan 25 warga asing.

"Daripada 339 kes kematian, 103 kes di Selangor, 41 kes di Sabah, 40 kes di Kuala Lumpur, 38 kes di Pulau Pinang, 37 kes di Johor, 20 kes di Kedah, 15 kes di Perak, 13 kes di Negeri Sembilan, masing-masing lapan kes di Kelantan dan Pahang, enam kes di Melaka, lima kes di Terengganu, tiga kes di Sarawak serta dua kes di Perlis.

"Sebanyak 28 kluster baharu juga dilaporkan, termasuk sembilan kluster baharu yang dilaporkan di Sarawak," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kluster komuniti baharu mencatatkan 15 kluster, diikuti kluster tempat kerja (12) dan satu kluster pusat tahanan.

60.2 peratus orang dewasa lengkap dos

Kuala Lumpur: Sebanyak 60.2 peratus atau 14,095,554 individu daripada populasi dewasa di seluruh negara sudah lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19 setakat kelmarin.

Bagi dos pertama, 80.9 peratus atau 18,948,648 orang sudah menerimanya, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) setakat semalam 33,044,202 dos.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin CO-

VID-19 (JKJAV) menerusi perkongsian di Twitter, memaklumkan Labuan terus merekodkan pemberian vaksin tertinggi dengan 92.9 peratus atau 63,663 individu daripada populasi dewasa sudah lengkap dua dos.

Ini diikuti Lembah Klang dengan 87.8 peratus atau 5,415,045 individu, Sarawak (86.3 peratus, 1,762,553), Negeri Sembilan (75.5 peratus, 614,523), Perlis (64.1 peratus, 116,221), Melaka (52.8 peratus, 357,358), Pulau Pinang (52 peratus, 711,454) dan Pahang (47.6

peratus, 560,105).

Selain itu, Terengganu (45.4 peratus, 366,941), Perak (45.3 peratus, 843,511), Johor (42.8 peratus, 1,160,219) dan Kelantan (42.2 peratus (521,942).

Sabah kekal negeri paling rendah menerima suntikan iaitu 35 peratus atau 966,363 individu selain Kedah dengan 41.3 peratus atau 635,656 individu.

Pemberian vaksinasi harian kelmarin adalah 408,295 dos membabitkan 155,669 dos pertama dan 252,626 dos kedua.

Lembah Klang berjaya capai imuniti kelompok

Dari Muka 1

Kedah dan Terengganu pula merekodkan Rt 1.03, diikuti Kelantan dan Perak (1.08), Johor (1.09), Pulau Pinang (1.14), Sabah (1.19), Sarawak (1.20) dan Perlis (1.23).

Bacaan Rt kebangsaan kekal 1.02 tiga hari berturut-turut sebelum dilaporkan turun kepada 1.01 pada Isnin berbanding 1.03 pada Ahad.

Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya termasuk dalam pemantauan Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKVTf) yang diwujudkan 9 Julai lalu bagi menangani isu berkaitan COVID-19, seperti meningkatkan kadar vaksinasi dan berjaya menampakkannya hasilnya dengan penurunan Rt.

Lembah Klang juga berjaya mencapai imuniti kelompok dengan sekitar 87.8 peratus golongan dewasa berusia 18 tahun ke atas sudah menerima vaksinasi lengkap sehingga kelmarin.

Berdasarkan Model Pembendungan Risiko, Pendedahan dan Jangkitan (SEIR) Unjuran dan Pemerhatian Kes Harian COVID-19 yang dikongsi Dr Noor Hisham, Rt boleh melonjak lebih 1.2 dengan kes mencecah 24,000 jika berlaku pelanggaran prosedur operasi standard (SOP).

Mengikuti rekod Kementerian Kesihatan (KKM) bagi tempoh dua bulan, Rt tertinggi pernah direkodkan negara ialah 1.16 pada 28 Julai lalu manakala Rt terendah 0.81 direkod 3 Mac.

Nilai Rt merujuk tahap kebolehan jangkitan sesuatu virus, iaitu jumlah ramai individu boleh dijangkiti satu kes positif.

Sebagai contoh, jika nilai Rt 1.5, bererti satu kes positif boleh menyebarkan kepada seorang atau dua yang lain.

Perkara berkenaan dikaitkan dengan kewajaran untuk kerajaan meneliti semula kelonggaran membenarkan individu lengkap vaksinasi makan di restoran atau Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 20 Ogos lalu.

Sidang Khas MKN pada 19 Ogos bersetuju memberikan kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap bagi negeri-negeri dalam Fasa 1 PPN.

Ia termasuk makan di restoran, sukan dan rekreasi, perkhemahan dan berkelah serta

sektor perdagangan dan pengedaran.

Kelonggaran itu yang turut membenarkan operasi pasar minggu dan pasar malam, bagaimanapun mencetuskan perdebatan masyarakat apabila jumlah jangkitan terus meningkat, malah kelmarin, dua rekod tertinggi baharu dicatatkan apabila 24,599 jangkitan baharu dan 393 kematian dilaporkan.

Mengulas perkara itu, Dr Noor Hisham memberitahu BH semalam, keputusan dalam penatapan prosedur operasi standard (SOP) adalah hasil perbincangan bersama mesyuarat MKN dengan mengambil kira keadaan semasa pandemik COVID-19. "Perkara ini juga termasuk perubahan dalam kelonggaran SOP sedia ada. Ia adalah keputusan bersama MKN. Justeru tunggu saja mesyuarat MKN nanti," katanya.

Sementara itu, Profesor Epidemiologi dan Biostatistik, Kulliyah Perubatan Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Prof Dr Jamalludin Ab Rahman berpendapat, perkara paling penting dalam perang melawan COVID-19 adalah penguatkuasaan SOP yang dikeluarkan.

"Secara peribadi, saya tidak bersetuju kerajaan sering menukar SOP kerana perkara lebih mustahak adalah penguatkuasaan SOP yang dikeluarkan," katanya sambil menambah, kerajaan perlu mengkaji punca di sebalik lonjakan kes.

Katanya, ketika ini, puncanya tingkah laku masyarakat yang masih tidak memahami kepentingan penjarakan fizikal dan larangan daripada berhimpun. Namun ini sukar untuk diubah kerana naluri manusia yang suka bersosial.

Justeru, beliau meminta kerajaan menggandakan usaha memberi kefahaman kepada masyarakat serta mewujudkan alternatif, iaitu tidak hanya mengharapkan usaha KKM semata-mata dan pada masa sama, langkah penting adalah mempercepat pemberian vaksin.

"Bagaimanapun dalam menanganai COVID-19, kerajaan tiada banyak pilihan terutama apabila lonjakan kes disebabkan varian Delta.

"Oleh itu, amat penting masyarakat perlu memahami dan mematuhi SOP seperti penjarakan fizikal dan elak daripada berhimpun," katanya.

Terkini COVID-19 21,877 Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam **22,070** Kes baharu disahkan, semalam **15,550** Jumlah kematian dicatat **1,662,913** Jumlah kes disahkan positif **265,695** kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Hanya 396 guru enggan divaksinasi di Johor

383 lagi setuju daftar ketika pertemuan dengan Tunku Mahkota Johor

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Johor Bahru: Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibrahim bertitah hanya 396 guru di negeri ini yang enggan mengambil vaksin COVID-19 berikutan keraguan terhadap suntikan berkenaan.

Tunku Ismail menerusi muat naik di akaun Facebook baginda bertitah, baki 383 guru mengambil pendirian untuk menangguk pengambilan vaksin buat masa ini, manakala sebilangan guru lagi bersetuju mendaftar untuk mengambil suntikan itu.

"Berbanding jumlah awal 779 guru yang dilaporkan enggan divaksin di negeri ini, hanya 396 yang enggan mengambil vaksin berikutan keraguan terhadap suntikan berkenaan.

"Baki 383 guru lagi mengambil pendirian untuk menangguk pengambilan vaksin buat masa ini kerana mempunyai alahan, mengandung ataupun keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan.



Tunku Ismail berkenan menerima menghadap guru yang menolak vaksin COVID-19, di Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, semalam. (Foto FB HRH Crown Prince of Johor)

"Namun, sebilangan guru lagi kini bersetuju mendaftar untuk mengambil vaksin," titah baginda.

Pertemuan bagi membincangkan isu berkenaan diadakan di Bangunan Sultan Ibrahim, Bukit Timbalan, semalam.

Ia disertai Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Azmi Rohani; Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu; Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), Datuk Yahya Ahmad dan Timbalan Mufti Johor, Datuk Ahmad Faisal Mohamed. Mufti Johor, Datuk Yahya Ahmad menyertai pertemuan berkenaan secara maya.

Tunku Ismail turut mendengar ulasan guru yang hadir mengenai isu yang mereka hadapi berhubung penangguhan mengambil vaksin itu.

"Dalam perjumpaan ini juga, saya berkeinginan mengenai program vaksinasi di Johor dan situasi terkini pandemik COVID-19 di negeri ini.

"Saya berharap mereka sedar tanggungjawab untuk sentiasa mengengahkan pembangunan modal insan dengan menjadi teladan yang baik.

"Saya berharap mereka akan mengambil vaksin sebelum se-

kolah dibuka semula demi memastikan kesihatan dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Isnin lalu, Tunku Mahkota Johor dilaporkan berkenan menerima menghadap Pengarah Pendidikan Johor dan kira-kira 779 guru yang menolak menerima vaksin COVID-19, bagi mencari penyelesaian isu itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Peperangan, Warisan dan Budaya Johor, Mazlan Buang, sebelum ini juga berkata, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) juga akan memanggil semua 779 guru berkenaan.

5 lokaliti di Sabah, Kelantan kena PKPD mulai esok

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di lima lokaliti di Sabah dan Kelantan, selama 14 hari bermula esok hingga 11 September.

Ketua Pengarah Keselamatan Negara, Datuk Rodzi Md Saad, berkata keputusan itu dibuat selepas meneliti pembentangan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19 di lokaliti terbabit.

"PKPD di Sabah membabitkan Kampung Debut, Ranau dan Kampung Tindai Kolopis, Penampang, manakala di Kelantan pula di Mukim Pasir Mas iaitu Kampung Bayu Lalang dan Kampung Banggol Kemian (sebahagian kampung), selain Mukim Gual Periok iaitu Kampung Repék (sebahagian kampung).

"Prosedur operasi standard (SOP) bagi semua PKPD sama seperti diumumkan sebelum ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, Rodzi berkata, PKPD di Kampung Brunei, Membakut, Beaufort dan Kampung Manggaris 2, Kota Marudu Sabah yang sepatutnya tamat hari ini, dilanjutkan bermula esok hingga 11 September.

Selain itu, katanya, sebanyak 14 lokaliti di Kelantan, Pahang dan Sabah dikenakan PKPD akan ditamatkan hari ini.

"Lokaliti berkenaan membabitkan Kampung Lela Jasa, Mukim Olak Jeram, Kuala Krai, Kelantan dan Jalan Blue Valley-Lojing, Cameron Highlands, Pahang.

"Di Sabah pula membabitkan Bandar Sinsuran, Kota Kinabalu; Kampung Siasai Dundau, Kota Belud; Rumah Kongsi Tapak Bina Prima Lumat, Beaufort; Projek Perumahan Rakyat (PPR) Sri Semarak, Tawau; Kampung Sembulan Tengah dan Lama, Kota Kinabalu serta Kampung Rancangan Kalabakan, Kalabakan.

"Selain itu, Lorong Mat Salleh Batu 2, Jalan Apas, Tawau; Kampung Contoh, Putatan dan empat di Kota Kinabalu iaitu Kampung Pulutan, Menggatal; Kampung Mansiang, Menggatal; Tapak Bina Hyatt Centric serta Kampung Darau, Menggatal," katanya.

Rodzi Md Saad



Rentas negeri punca utama kenaikan kes

Johor Bahru: Punca utama kenaikan mendadak kes COVID-19 di Johor dikesan kerana pergerakan rentas negeri yang masih berleluasa.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, R Vidyannanthan, berkata trend peningkatan kes di Johor dikesan sejak Julai lagi dengan jumlah tertinggi 2,785 kes dilaporkan kelmarin, manakala 1,228 kes lagi adalah kontak rapat positif.

"Punca utama penularan di antara negeri disebabkan masih ada pergerakan rentas negeri. Semalam (kelmarin) saja, terdapat 10 kluster baharu dilaporkan, iaitu lima kluster industri, dua kluster komuniti dan tiga kluster institusi membabitkan Johor Bahru, Kulai, Kota Tinggi dan Kluang," katanya dalam kenyataan, semalam.

Vidyannanthan berkata, Kluster industri menyumbang sebanyak

72 peratus daripada kluster yang masih aktif, membabitkan sebanyak 12,201 kes COVID-19 yang masih aktif, manakala kluster komuniti juga semakin kerap dilaporkan yang menyumbang 10 peratus kepada kluster aktif semasa membabitkan 1,246 kes.

"Bilangan kontak rapat positif yang tinggi menunjukkan kelemahan dalam pematuan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada di kalangan masyarakat," ka-

tanya menambah, Johor juga masih dalam Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN), sekali gus belum beralih ke fasa yang seterusnya.

"Kita perlu mengurangkan pergerakan atau aktiviti menziarahi keluarga bagi mengekang penularan di kalangan komuniti," katanya.

Di Kota Bharu, Pengarah Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) Kelantan, Dr Mohd Zurairie Mohd Zubir

berkata, peningkatan kes di Kelantan sejak lebih sebulan lalu menyebabkan kadar penggunaan katil klinikal di situ bertambah dan melebihi 90 peratus.

"Penggunaan katil klinikal bertambah lebih sebulan lalu. Setakat ini, terdapat 108 katil klinikal di tiga PKRC dan penggunaannya lebih 90 peratus kerana kemasukan pesakit bertambah. Kita merancang membuka semula PKRC di dewan Kampus Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian yang juga PKRC ke-17 minggu hadapan.

"PKRC itu akan dapat menampung 156 pesakit katil biasa dan 50 katil klinikal," katanya semalam sambil menambah, penggunaan katil di 16 PKRC juga di antara 70 hingga 80 peratus, manakala jumlah keseluruhan pesakit di PKRC sehingga kini adalah 2,500 individu daripada kapasiti 3,150 orang.

“Kita perlu mengurangkan pergerakan atau aktiviti menziarahi keluarga bagi mengekang penularan di kalangan komuniti”

R Vidyannanthan,
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor



AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEGARA

80 kes bunuh diri direkod di Perak sepanjang PKP

IPOH – Sebanyak 80 kes bunuh diri dilaporkan di Perak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020 sehingga akhir bulan lalu.

Sebanyak 33 kes berpunca daripada tekanan jiwa, tidak diketahui punca (24 kes), masalah kewangan (13 kes), penyakit (empat kes), manakala masing-masing tiga kes berkaitan dadah dan sakit mental.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat negeri, Datuk Dr. Wan Norashikin Wan Noordin berkata, sebanyak 66 kes melibatkan lelaki dan 14 lagi wanita.

Menurutnya, berdasarkan statistik Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak pula, bilangan pesakit mental yang didaftar dan mendapat rawatan di klinik ialah 5,213 orang sepanjang tahun lalu serta 4,559 orang untuk tempoh enam bulan pertama tahun ini.

"Langkah pencegahan yang diambil kerajaan negeri dengan melibatkan kerjasama bukan sahaja Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), malah JKN, Jabatan Agama Islam Perak serta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. "Antara langkah pencegahan termasuklah mewujudkan

Talian Kasih 15999 oleh JKM, manakala JPW bersama kerajaan negeri menubuhkan Skwad Waja (Wanita antiJenayah) Perak bagi memperkasakan komuniti melalui bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti," katanya.

Beliau menjawab soalan lisan Datuk Mohd. Azhar Jamaluddin (**BN-Changkat Jong**) pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

Menurutnya, bagi menangani isu kesihatan mental dalam situasi pandemik, JKN melaksanakan perkhidmatan kesihatan mental dan sokongan sosial pada peringkat negeri dan daerah termasuk di hospital dan klinik.



WAN NORASHIKIN bercakap pada sidang DUN Perak semalam.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Jumlah individu meninggal dunia masih tinggi walaupun pesakit di ICU berkurang **339 kematian, 99 kes BID dicatatkan**

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Kes kematian dalam negara semalam masih mencatatkan jumlah melebihi angka 300 apabila sebanyak 339 pesakit dilaporkan meninggal dunia akibat pandemik Covid-19.

Kematian itu melibatkan 289 warga Malaysia dan 50 warga asing dengan 193 daripadanya lelaki, manakala baki 146 wanita. Selain itu, sebanyak 99 kes dilaporkan meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID), menjadikan jumlah kes kematian sebanyak 15,550 kes.

Dalam pada itu, pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) semalam semakin berkurangan dengan 982 kes selain 470 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kelmarin, pesakit di ICU merekodkan sebanyak 990 kes dan 487 kes memerlukan bantuan pernafasan, manakala kali terakhir angka pesakit di unit rawatan tersebut dilaporkan melebihi 1,000 ialah pada 25 Ogos lalu iaitu sebanyak 1,003 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 412 kes (1.9 peratus) kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 21,658 kes (98.1 peratus) kategori satu dan dua berdasarkan keadaan



PENGARAH Hospital Pulau Pinang (HPP), Datuk Dr. Teo Gim Sian (kiri) menerima sumbangan kontena sejuk beku untuk penyimpanan mayat Covid-19 di HPP, George Town semalam.

klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19.

"Secara keseluruhan, 17,029 kes (77.2 peratus) daripada jumlah kes tersebut tiada atau tidak lengkap vaksinasi. Dapatkan vak-

sin Covid-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius dan diharapkan akan mengurangkan jangkitan di dalam negara, terutama kes di kategori tiga hingga lima," katanya dalam kenyataan

semalam.

Ujarnya, sebanyak 155 kes kategori lima dengan 145 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi dilaporkan semalam, 80 kes kategori empat dengan 65 kes ti-

COVID-19	
Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam	
	Jumlah
Kes baharu	22,070
Import:	15
Tempatan:	22,055
Pulih	21,877
Kematian	339
Masih dirawat	265,695
Jumlah kes sembuh	1,381,668
Jumlah Kematian	15,550
Jumlah kes keseluruhan	1,662,913

da atau tidak lengkap vaksinasi serta 177 kes kategori tiga dengan 136 kes tiada atau tidak divaksin.

"Sebanyak 11,805 kes kategori dua dengan 9,151 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala 9,853 kes kategori satu dengan 7,532 kes tiada atau tidak lengkap vaksinasi," jelasnya.

Tambah beliau, sebanyak 28 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 15 kluster komuniti, 12 kluster tempat kerja dan satu kluster pusat tahanan.

Katil ICU HPP sudah penuh

GEORGE TOWN – Penggunaan katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Pulau Pinang (HPP), di sini bagi merawat pesakit Covid-19 sudah mencapai 100 peratus berikutan peningkatan kes yang berlaku di negeri ini.

Menurut Pengarah HPP, Datuk Dr. Teo Gim Sian, pihaknya dalam perancangan untuk menggunakan katil di unit atau wad lain bagi menampung jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan rawatan rapi.

Dalam masa sama, katanya, HPP juga akan menggunakan katil-katil di wad lain untuk merawat pesakit biasa Covid-19 berikutan peningkatan jumlah pesakit itu ketika ini.

"Kita akan berusaha keras dan tidak akan berputus asa dalam menghadapi gelombang kes pesakit Covid-19 yang sedang meningkat di negeri ini.

"Kita telah membuat perediaan dan akan memperuntukkan sebanyak mungkin katil untuk pesakit Covid-19 termasuk menggunakan katil

di wad-wad sedia ada di HPP," katanya semalam.

Beliau berkata demikian ketika menerima sumbangan kontena sejuk beku bagi menyimpan mayat oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO), One Hope Charity & Welfare (One Hope) di Jabatan Forensik HPP, di sini.

Kontena bernilai RM90,000 itu diserahkan Pengerusi One Hope, Datuk Chua Sui Hau dan turut dihadiri Ketua Jabatan Perubatan Forensik HPP, Datuk Dr. Zahari Noor.

Dalam pada itu, Gim Sian turut berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang membuka Kompleks Masyarakat Penyayang di sini sebagai pusat rawatan pesakit Covid-19.

Jelasnya, pusat itu yang dijangka mula beroperasi minggu depan mampu menempatkan sehingga 100 pesakit Covid-19 sekali gus dapat mengurangkan kesesakan dan memberi kelegaan kepada HPP dalam merawat pesakit berkenaan.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : NEGARA

Lima syarikat rugi RM128,498 terpedaya sindiket jual minyak precatoria

Ditipu beli vaksin organik Covid-19

Oleh NOR AZIHAN MD. GHAZALI


KUALA LUMPUR – Gara-gara mahu menghasilkan vaksin Covid-19 sendiri menggunakan minyak precatoria, lima syarikat mengalami kerugian RM128,498 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket dalam talian.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamarudin Md Din berkata, modus operandi digunakan sindiket adalah dengan menghantar e-mel kepada syarikat yang disasarkan sebelum menawarkan penjualan bahan organik tersebut.

Menurutnya, mana-mana syarikat yang berminat kemudiannya diminta untuk membuat pembayaran ke dalam akaun yang diberikan bagi tujuan membeli sampel.

"Bagaimanapun, selepas membuat pembayaran, mangsa (syarikat) tidak menerima sebarang sampel yang dijanjikan dan ahli sindiket gagal dihubungi.

"Kita tidak menolak kemungkinan terdapat sindiket penipuan



LIMA syarikat rugi selepas terpedaya dengan sindiket yang menjual minyak precatoria didakwa untuk menghasilkan vaksin Covid-19. – GAMBAR HIASAN

yang cuba untuk menanggung di air keruh dengan menjadikan

isu-isu berkaitan Covid-19 seba-

gai modal untuk meraih keuntungan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Justeru itu, beliau menasihatkan orang ramai untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada



MOHD. KAMARUDIN

dengan kegiatan terbabit bagi mengelak daripada menjadi mangsa.

"Harus juga diingat bahawa pihak kerajaan sentiasa memberi keutamaan dalam sebarang inisiatif menangani Covid-19 sama ada dari segi pemberian vaksin mahupun kajian berkenaan pembangunan vaksin.

"Jadi mana-mana individu mahupun syarikat yang ingin terlibat, perlu merujuk kepada agensi kerajaan yang berkaitan terlebih dahulu sebelum membuat keputusan," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

22,070 kes baharu positif Covid-19

Lapan negeri catat empat angka kes positif, 339 kematian

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan 22,070 kes baharu positif Covid-19 pada Khamis.

Lapan negeri yang merekodkan kes mencecah empat angka ialah Selangor (5,920), Sabah (3,010), Sarawak (2,224), Kedah (2,072), Pulau Pinang (1,829), Johor (1,809), Kuala Lumpur (1,068) dan Kelantan (1,051).

Empat negeri melaporkan jangkitan tiga angka iaitu Perak (939), Pahang (610), Melaka (589) dan Negeri Sembilan (338), sementara Perlis (76), Putrajaya (39) dan Labuan (lapan).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jum-



Seorang Jemaah masjid menunjukkan sijil vaksinasi penuh kepada ahli jawatankuasa masjid untuk menunaikan solat Jumaat di Masjid Al Syaikhin, Gombak pada Jumaat.

lah yang dilaporkan, sebanyak 412 kes adalah daripada kategori tiga hingga lima.

"Sebanyak 21,658 kes pula adalah kategori satu dan dua," katanya.

Menurutnya, secara keseluruhan, 17,029 kes atau 77.2 peratus daripada jumlah kes yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Beliau berkata, peningkatan kes itu menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan Covid-19 di negara ini adalah 1,662,913 kes.

Dr Noor Hisham berkata, KKM merekodkan 339 kes kematian membabitkan 289 rakyat

tempatan dan 50 warga asing. "Daripada jumlah kes kematian itu, terdapat 99 kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) iaitu 74 rakyat tempatan dan 25 warga asing," katanya.

Ujarnya, sebanyak 21,877 kes sembuh harian turut dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhannya 1,381,668 kes.

Sementara itu, sebanyak 28 kluster baharu dikenal pasti KKM membabitkan 15 kluster komuniti dan 12 kluster tempat kerja serta satu kluster pusat tahanan.

"Jumlah keseluruhan kluster adalah 4,611 yang mana 3,144 daripadanya diisytiharkan tamat.

"Bakinya, 1,467 kluster masih aktif," katanya.

Khairy respons isu dihalang rakaman video suntikan

PUTRAJAYA - Menteri Kesihatan yang baharu, Khairy Jamaluddin Abu Bakar tidak menunggu lama untuk terus memberi respons terhadap isu berbangkit di kementeriaannya.

Selepas sejam diumumkan menjawat jawatan itu pada Jumaat, Khairy terus membuat ciapan di Twitternya dan memuat naik video seorang lelaki yang sedang menerima vaksin dengan ciapan 'Assalamualaikum'.

Lelaki itu mendakwa dia dihalang membuat rakaman video ketika divaksin.

Pengguna akaun Twitter berkenaan pada Rabu memuat

naik video yang menunjukkan tangan pegawai bertugas menghalang rakaman berkenaan.


Dakwanya, jururawat yang melakukan suntikan terhadapnya membenarkan dia membuat rakaman video namun seorang pegawai bertindak menutup rakaman tersebut dengan alasan Khairy Jamaluddin telah meletak jawatan.

Sebelum ini, Khairy Jamaluddin atas kapasitinya sebagai Menteri Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI) membenarkan rakaman video dibuat susulan timbulnya isu-isu berkaitan suntikan seperti picagari kosong.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia



Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 27 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
1,662,913	1,381,668	982	15,550	22,070	33,044,202

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 26

RUANGAN : SINAR NEGERI

Tidak dibenarkan pulang punca pesakit Covid-19 bertindak agresif



Video tular kejadian di Hospital Sungai Buloh pada 23 Ogos lalu.

